

These Terms and Conditions are intended to be read together with the Cardholder Agreement and Product Disclosure Sheet (PDS) for Credit Card-i, pamphlets, brochures or any other relevant terms and conditions issued by BMMB (“**the Bank**”) which may be imposed from time to time according to the specific types of accounts maintained by the Customer. / *Terma dan Syarat ini bertujuan untuk dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad dan Risalah Pendedahan Produk (RPP) bagi Kad Kredit-i, risalah, brosur atau sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh BMMB (“pihak Bank”) yang mungkin dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis akaun tertentu yang dimiliki oleh Pelanggan.*

**These Terms and Conditions are separate from the Cardholder Agreement applicable to the relevant Credit Card-i Facility./ Terma dan Syarat ini adalah berasingan daripada Perjanjian Pemegang Kad yang terpakai bagi Kemudahan Kad Kredit-i yang berkenaan.**

Any Credit Card-i facility opened and any transactions conducted on the Credit Card-i shall be subject to and governed by the Terms and Conditions set out below, in addition to the latest published Cardholder Agreement / *Sebarang kemudahan Kad Kredit-i yang dibuka dan apa-apa transaksi yang dibuat menggunakan Kad Kredit-i adalah tertakluk dan ditadbir oleh Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah, sebagai tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad yang diterbitkan terkini :*

1. I hereby declare that all information provided by me is true and I have not withheld any material facts. If any information given by me becomes inaccurate or misleading or changes in any way, whether before this application is approved or while the financing remains outstanding, I shall notify the BMMB of such changes as soon as reasonably possible. / *Saya mengaku bahawa semua maklumat yang yang diberikan oleh saya adalah benar dan saya tidak menyembunyikan sebarang maklumat. Sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan oleh saya adalah tidak tepat atau mengelirukan atau berubah dalam apa jua cara, sama ada sebelum permohonan ini diluluskan atau semasa pembiayaan masih berjalan, saya akan memaklumkan perubahan tersebut kepada pihak BMMB dengan segera.*
2. I hereby declare that all information provided by me, including but not limited to information relating to any financing that I have obtained or am in the process of obtaining from any financial and/or non-financial institution is true, accurate, and complete. I have not withheld any material facts or information in relation thereto. If any information given by me becomes inaccurate or there are any material changes in any way, whether before this application is approved or while the financing is outstanding, I undertake to notify BMMB of such changes immediately. I hereby declare that I do not have any other financing from financial and/or non-financial institutions other than those already declared herein. / *Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh saya, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berkaitan mana-mana pembiayaan yang telah saya perolehi atau sedang dalam proses untuk diperolehi daripada mana-mana institusi kewangan dan/atau bukan kewangan adalah benar, tepat dan lengkap. Saya tidak menyembunyikan sebarang fakta atau maklumat penting berhubung dengannya. Sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan oleh saya menjadi tidak tepat atau terdapat sebarang perubahan penting dengan apa jua cara, sama ada sebelum permohonan ini diluluskan atau semasa pembiayaan masih berjalan, saya berjanji untuk memaklumkan BMMB tentang perubahan tersebut serta-merta. Saya juga mengisyiharkan bahawa saya tidak mempunyai sebarang pembiayaan lain daripada mana-mana institusi kewangan dan/atau bukan kewangan selain yang telah diisyiharkan di dalam dokumen ini.*
3. I hereby authorize and consent to BMMB and its representatives to obtain information pertaining to this application from any source, including but not limited to credit information, from the Inland Revenue Board (IRB), Employees Provident Fund (EPF), other financial institutions, Central Credit Reference Information System (CCRIS), SME Credit Bureau, any other credit reference agencies, and any other person, individual and/or entity, as deemed necessary and/or appropriate by BMMB, without the need to assign any reason whatsoever. / *Saya memberi kebenaran dan persetujuan kepada BMMB serta wakilnya untuk mendapatkan maklumat berkaitan permohonan ini daripada mana-mana sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat kredit daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), institusi kewangan lain, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Kredit Biro SME, mana-mana agensi rujukan kredit lain, individu dan/atau entiti yang dianggap perlu dan/atau bersesuaian oleh BMMB, tanpa perlu menyatakan sebarang alasan.*

BMMB is expressly authorized to discuss this application with my present and future employer(s). / *BMMB diberi kuasa untuk membincangkan permohonan ini bersama majikan semasa dan majikan masa depan saya.*

4. I shall comply with all of BMMB's requirements in respect of my application and I understand that BMMB's offer of financing shall be subject to the completion of necessary verification by BMMB. / *Saya akan mematuhi segala keperluan BMMB berhubung permohonan saya dan memahami bahawa tawaran pembiayaan oleh BMMB adalah tertakluk kepada pengesahan yang diperlukan oleh BMMB.*
5. I expressly consent to and authorize BMMB to disclose any information and particulars (financial or otherwise) relating to my affairs, accounts, financing, and their conduct to Bank Negara Malaysia (BNM), other bodies, authorities such as CAGAMAS, debt collection agents, any person(s) inside or outside Malaysia including but not limited to companies within the BMMB group, whether such companies are resident, situated, carrying on business, incorporated, or constituted within or outside Malaysia. This includes but is not limited to respective agents, authorized and appointed outsourcing agents for the purpose of providing integrated services, maintaining, and storing records (financial or otherwise), at any time and without liability, for such purposes as BMMB deems fit or appropriate. / *Saya dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada BMMB untuk mendedahkan apa-apa maklumat dan butiran (kewangan atau lain-lain) yang berkaitan dengan urusan, akaun, pembiayaan, dan pengendaliannya kepada Bank Negara Malaysia (BNM), badan-badan lain, pihak berkuasa seperti CAGAMAS, ejen pemungut hutang, mana-mana individu di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan BMMB, sama ada syarikat-syarikat tersebut bertempat, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen-ejen tertentu serta ejen khidmat luaran yang diberi kuasa dan dilantik bagi tujuan menyediakan perkhidmatan bersepada, memelihara dan menyimpan rekod (kewangan atau lain-lain), pada bila-bila masa dan tanpa liabiliti, untuk tujuan yang dianggap sesuai oleh BMMB.*

6. I hereby agree and consent to BMMB requesting and obtaining all personal information and data provided in this form for the purpose of processing this application, as well as for any other purposes necessary and required in connection with the facility requested herein. This includes the transfer or disclosure of such personal data to any of BMMB's agents, authorised and appointed outsourcing agents, or subsidiaries located within or outside Malaysia for the purpose of processing and storing the personal information and data as required by BMMB. I further declare that all personal information and data provided herein are true, up-to-date and accurate. Should there be any changes to such information or data, I undertake to notify BMMB immediately. / *Saya dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada BMMB untuk meminta dan mendapatkan semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini serta untuk tujuan-tujuan lain yang perlu dan dikehendaki berhubung dengan kemudahan yang dipohon. Ini termasuk pemindahan atau pendedahan data peribadi tersebut kepada mana-mana ejen BMMB, ejen khidmat luaran yang diberi kuasa dan dilantik, atau anak syarikat di dalam atau di luar Malaysia bagi tujuan memproses dan menyimpan maklumat serta data peribadi seperti yang dikehendaki oleh BMMB. Saya juga mengisyaratkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar, terkini dan tepat. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat atau data peribadi tersebut, saya berjanji untuk memaklumkan BMMB dengan serta-merta.*
7. I hereby undertake to inform BMMB if I, my guarantor(s) (if any), or my immediate family members (parents, spouses and children) are related to any existing or future employee(s) or director(s) of BMMB. / *Dengan ini saya mengakujanji untuk memaklumkan kepada BMMB sekiranya saya, penjamin saya (jika ada), atau ahli keluarga terdekat saya (ibu bapa, suami, isteri dan anak-anak) mempunyai pertalian dengan mana-mana pekerja atau pengarah BMMB pada masa ini atau pada masa hadapan.*
8. I am not in default on any account with BMMB or any other financial institutions, and I am not subject to any legal impediments. / *Saya tidak gagal dalam membuat pembayaran terhadap mana-mana akaun dengan BMMB atau institusi-institusi kewangan yang lain, dan saya tidak terlibat dalam sebarang halangan undang-undang.*
9. This application form and all supporting documents submitted to BMMB shall be the sole property of BMMB, and BMMB shall have the right to retain them regardless of whether my application is approved or rejected. / *Borang permohonan ini dan semua dokumen sokongan yang diserahkan kepada BMMB adalah hak milik mutlak BMMB, dan BMMB berhak untuk menyimpannya tanpa mengira sama ada permohonan saya diluluskan atau ditolak.*
10. I hereby acknowledge and agree that pursuant to Section 7 of the Electronic Commerce Act 2006, my application for or acceptance of the Card made via over-the-counter at any BMMB branch, SMS, telephone banking, i-Muamalat (internet banking), email or any electronic medium recognized by BMMB shall be deemed valid and I shall not deny its legal effect, validity or enforceability. / *Saya dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa selaras dengan Seksyen 7 Akta Perdagangan Elektronik 2006, permohonan atau penerimaan saya terhadap permohonan Kad yang dibuat melalui kaunter di mana-mana cawangan BMMB, SMS, perbankan telefon, i-Muamalat (perbankan internet), e-mel atau mana-mana media elektronik lain yang diiktiraf oleh BMMB hendaklah dianggap sah dan saya tidak boleh menafikan kesan undang-undang, kesahan atau kebolehlaksanaannya.*
11. I understand that BMMB reserves the absolute right to approve or reject this application at its sole discretion without assigning any reason. / *Saya faham bahawa BMMB mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan ini mengikut budi bicara mutlaknya tanpa menyatakan sebarang alasan.*
12. I agree to be bound by BMMB's rules and regulations, as may be amended from time to time, governing the relevant type of account and financing acknowledge that BMMB shall be entitled to be indemnified in the circumstances specified in such rules and regulations. / *Saya bersetuju untuk terikat kepada peraturan dan syarat BMMB dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan jenis akaun dan pembiayaan dan mengakui bahawa BMMB berhak untuk menerima ganti rugi dalam keadaan yang dinyatakan dalam peraturan dan syarat tersebut.*
13. BMMB refers to Bank Muamalat Malaysia Berhad, a licensed financial institution offering the financing product(s) referred to in this application form. / *BMMB merujuk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad, iaitu institusi kewangan berlesen yang menawarkan produk-produk pembiayaan yang dirujuk dalam borang permohonan ini.*
14. For your convenience, a Short Message System (SMS) notification may be sent to your mobile number as stated in this application form if your financing application is approved by BMMB. / *Untuk kemudahan anda, notifikasi melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) mungkin akan dihantar ke nombor telefon mudah alih anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan ini sekiranya permohonan pembiayaan anda diluluskan oleh BMMB.*
15. I confirm that I will read the terms and conditions of the Bank Muamalat Malaysia Berhad Credit Cardholder Agreement which are made available on the official website of Bank Muamalat Malaysia Berhad website ([www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)) and I agree to be bound by them and any future amendments thereto prior to accepting and receiving the card(s). Should I require a hard copy of the said Credit Cardholder Agreement, I may request it from BMMB. I further agree that the Principal Cardholder shall be liable for all liabilities and obligations incurred by both the Principal and Supplementary Cardholder(s). However, each Supplementary Cardholder shall only be liable for his/her own liabilities and obligations. BMMB reserves the absolute right to approve or reject my application at its sole discretion without assigning any reason. I understand the card(s) remain the property of Bank Muamalat Malaysia Berhad and may be cancel without prior notice and must be returned upon request. / *Saya mengesahkan bahawa saya akan membaca terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad Bank Muamalat Malaysia Berhad yang dipaparkan di laman web rasmi Bank Muamalat Malaysia Berhad ([www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)) dan bersetuju untuk mematuhinya dan sebarang pindaan pada masa hadapan sebelum menerima dan mengambil kad (kad-kad) tersebut. Sekiranya saya memerlukan Salinan bercetak Perjanjian Pemegang Kad Bank Muamalat Malaysia Berhad tersebut, saya boleh memintanya daripada pihak BMMB. Saya juga bersetuju bahawa Pemegang Kad Utama bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan obligasi yang ditanggung oleh Pemegang Kad Utama serta Pemegang (pemegang-pemegang) Kad Tambahan. Walau bagaimanapun, setiap Pemegang Kad Tambahan hanya akan bertanggungjawab terhadap liabiliti dan obligasi masing-masing sahaja. BMMB mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan saya mengikut budi bicara yang sewajarnya tanpa*

menyatakan sebarang alasan. Saya faham bahawa kad tersebut adalah hakmilik Bank Muamalat Malaysia Berhad dan boleh dibatalkan tanpa pemberitahuan notis awal serta perlu dikembalikan apabila diminta.

16. I hereby expressively consent and authorize BMMB to disclose any information I have provided to BMMB for the purpose of cross selling, marketing, or promotional activities in collaboration with companies within the Bank Muamalat Malaysia Berhad Group, its agent (including but not limited to authorities, merchants and any members of organizations such as Visa International or Mastercard), employees and/or any third parties as deemed appropriate by BMMB. / Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya memberi kebenaran dan kuasa kepada BMMB untuk mendedahkan sebarang maklumat yang telah saya kemukakan kepada BMMB bagi tujuan jualan silang ("cross selling"), pemasaran atau promosi bersama syarikat-syarikat dalam Kumpulan Bank Muamalat Malaysia Berhad, ejennya (termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak berkuasa, peniaga, dan mana-mana ahli organisasi seperti Visa International atau Mastercard), kakitangan dan/atau mana-mana pihak ketiga yang difikirkan sesuai oleh BMMB.

At any time in future, if I wish to have my name and address removed from such mailing list, I shall submit written request to Bank Muamalat Malaysia Berhad, Card Business Department, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, & 50100 Kuala Lumpur. / Sekiranya pada bila-bila masa di masa hadapan saya ingin mengeluarkan nama dan alamat saya daripada senarai pengesahan tersebut, saya hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis ke alamat Bank Muamalat Malaysia Berhad, Card Business Department, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

17. BMMB has informed me, and I fully understand that in accordance with the prevailing guidelines issued by Bank Negara Malaysia (BNM), effective 1 January 2012, if my annual income is RM36,000 or less, I am only allowed to hold credit cards as a Principal Cardholder from a maximum of two (2) credit card issuers ("Issuers") ("Maximum Issuer Restriction"). / BMMB telah memaklumkan kepada saya dan saya memahami sepenuhnya bahawa selaras dengan garis panduan semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012, sekiranya pendapatan tahunan saya tidak melebihi RM36,000, saya hanya dibenarkan untuk menjadi Pemegang Kad Utama kepada maksimum dua (2) pengeluar kad kredit ("Pengeluar") sahaja ("Had Pengeluar Maksimum").

Upon the issuance by BMMB of the credit card(s) applied for under this application, I declare that, for as long as the Maximum Issuer Restriction remains applicable to me, I shall comply with the said restriction and shall not hold credit cards as a Principal Cardholder from more than two (2) credit card issuers, including BMMB. / Sekiranya kad kredit yang dipohon dalam permohonan ini dikeluarkan oleh BMMB, saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa selagi Had Pengeluar Maksimum masih terpakai kepada saya, saya akan mematuhi dan tidak akan memegang kad kredit sebagai Pemegang Kad Utama daripada lebih daripada dua (2) pengeluar kad kredit, termasuk BMMB.

17.1 I will hold credit cards from a maximum of two (2) Issuers (including BMMB as one of the Issuers); however / Saya hanya akan memiliki kad kredit daripada maksimum dua (2) Pengeluar Kad sahaja (termasuklah BMMB sebagai salah satu Pengeluar); tetapi

17.2 In the event that I hold credit cards from more than two (2) Issuers (including BMMB), I undertake to take the necessary steps to comply with the Maximum Issuer Restriction effective from 1 January 2012. / sekiranya saya memiliki kad kredit daripada lebih daripada dua (2) Pengeluar Kad (termasuk BMMB), saya berikrar untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Had Pengeluar Maksimum yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

## 18. Visa Click to Pay

18.1 Upon activation of the Credit Card-i or its first use for e-commerce transactions, the Cardholder will be automatically enrolled in the Visa Click to Pay service, a secure and simplified online checkout experience provided by Visa. Cardholders may opt out of this service at any time by contacting any BMMB branch or the BMMB Contact Centre. / Setelah Kad Kredit-i diaktifkan atau digunakan buat pertama kali bagi transaksi e-dagang, Pemegang Kad akan didaftarkan secara automatik ke dalam perkhidmatan Visa Click to Pay, satu pengalaman daftar keluar atas talian yang selamat dan mudah disediakan oleh Visa. Pemegang Kad boleh memilih untuk menarik diri daripada perkhidmatan ini pada bila-bila masa dengan menghubungi mana-mana cawangan BMMB atau Pusat Perhubungan BMMB.

18.2 By being enrolled in Visa Click to Pay, the Cardholder acknowledges and agrees that certain card and personal information (such as card number, expiry date, and contact details) may be shared with Visa and participating merchants to facilitate the service. This data sharing will be carried out in accordance with Bank Muamalat Malaysia Berhad's [Privacy Notice](#), which Cardholders are encouraged to review for details on the collection, use, and disclosure of personal data. / Dengan pendaftaran ke dalam Visa Click to Pay, Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa maklumat kad dan peribadi tertentu (seperti nombor kad, tarikh luput, dan maklumat perhubungan) mungkin dikongsi dengan Visa dan peniaga yang mengambil bahagian bagi tujuan pelaksanaan perkhidmatan ini. Perkongsian maklumat ini akan dilaksanakan selaras dengan [Notis Privasi Bank Muamalat Malaysia Berhad](#), yang digalakkan untuk diteliti oleh Pemegang Kad bagi memahami bagaimana data peribadi mereka dikumpul, digunakan, dan didedahkan.

18.3 Continued use of the Credit Card-i after activation or for e-commerce transactions constitutes the Cardholder's express consent to automatic enrolment in Visa Click to Pay and to the sharing of card and personal information as described above. / Penggunaan berterusan Kad Kredit-i selepas pengaktifan atau bagi tujuan transaksi e-dagang merupakan persetujuan nyata Pemegang Kad terhadap pendaftaran automatik ke dalam Visa Click to Pay serta perkongsian maklumat kad dan peribadi seperti yang dinyatakan di atas.

18.4 The Bank shall not be responsible or liable for any unauthorised use, data breach, loss, or damage arising from the use of the Visa Click to Pay service or from any act or omission by Visa or participating merchants. Cardholders are strongly advised to review the relevant terms of use and privacy policies of Visa and the respective merchants prior to using the service. / Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang penggunaan tanpa kebenaran, pelanggaran data, kerugian atau kerosakan yang timbul akibat penggunaan perkhidmatan Visa Click to Pay atau sebarang tindakan atau kelalaian oleh Visa atau peniaga yang mengambil bahagian. Pemegang Kad dinasihatkan untuk menyemak terma penggunaan dan dasar privasi Visa serta peniaga berkaitan sebelum menggunakan perkhidmatan ini.



#### Other Terms and Conditions / Terma dan Syarat Lain

Please refer to BMMB's official website at [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) for further details including the Cardholder Agreement, latest Products and their respective disclosures or call +603-2600 5500 for further details. / Sila rujuk laman web rasmi BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut termasuk Perjanjian Pemegang Kad, Produk-produk terkini dan pendedahan masing-masing atau hubungi +603-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

Principal Cardholder / Pemegang Kad Prinsipal	Supplementary Cardholder / Pemegang Kad Tambahan
<p>.....</p> <p>Name / Nama : _____</p> <p>IC Number / Nombor IC : _____</p> <p>Date / Tarikh : _____</p>	<p>.....</p> <p>Name / Nama : _____</p> <p>IC Number / Nombor IC : _____</p> <p>Date / Tarikh : _____</p>

Fees and Charges applicable for the Cardholder are as appended.